

# Draf pengangkutan awam siap

» Hanya tunggu kelulusan Kabinet untuk dimuktamad akhir tahun ini: PM

Oleh Norfatimah Ahmad, Faiza Zainudin, Norakmah Mat Youb dan S Anand Kumar

bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**D**raf akhir Dasar Pengangkutan Awam Negara sudah siap dan hanya menunggu kelulusan Kabinet untuk dimuktamadkan akhir tahun ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan menjalankan kajian bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam lebih berkesan dari segi kos, keselamatan dan kelestarian.

Katanya, dasar itu antara lain mengutamakan tiga perkara, iaitu integrasi antara jenis pengangkutan awam terdiri bas, teksi dan rel bagi membolehkan akses kepada tempat kerja, pendidikan, kawasan rekreasi dan pe-

lancongan serta menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar.

“Selepas dasar pada peringkat negara ditetapkan, ia akan digubal pada peringkat negeri,” katanya dalam jawapan bertulis kepada Datuk Seri Ong Ka Chuan (BN-Tanjong Malim) mengenai dasar terbabit serta bilangan lesen kenderaan perdagangan serta perkhidmatan awam dalam operasi pendaftaran semula Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Katanya, sebanyak 363,179 lesen pelbagai kelas perdagangan dikeluarkan dengan 83 peratus atau 301,367 lesen mendaftar semula setakat minggu ini, bakinya belum dapat didaftarkan kerana masalah peralihan ketika pengambilalihan daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Kementerian Pelancongan terutama lesen kereta sewa pandu dan bas persiaran.

## Penilaian menyeluruh

Sementara itu, Najib berkata, George Kent-Lion Pacific JV (GKLP JV) dipilih melaksanakan projek penyambungan Transit Aliran Ringan (LRT) Ampang berdasarkan penilaian menyeluruh merangkumi aspek kewangan, perundangan dan syarat kontrak, selain lulus penilaian keperluan teknikal dan menawarkan harga kedua terendah

“

*Pembida yang menawarkan harga lebih rendah daripada GKLP JV tidak dipertimbangkan kerana tidak mematuhi sepenuhnya syarat kontrak”*

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

daripada lapan pembida.

Katanya, GKLP JV adalah gabungan dengan syarikat tempatan yang mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan ternarai di Bursa Malaysia, kepakaran dalam bidang sub sistem rel termasuk kerja Sistem Penyeliaan dan Pengumpulan Data (SCADA), pemasangan landasan kereta api, sistem komunikasi dan pelindung kilat,

“Pembida yang menawarkan harga lebih rendah daripada GKLP JV tidak dipertimbangkan kerana tidak mematuhi sepenuhnya syarat kontrak,” katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara), sambil menambah sub sistem seperti semboyan akan diuruskan syarikat Thales, rakan pelaksana teknikal berkredibiliti tinggi.

Beliau berkata, selepas kontrak itu dianugerahkan secara telus dan terbuka, pembida termasuk syarikat antarabangsa yang tidak berjaya, akur dengan penganugerahan tender berkenaan yang bernilai RM1.084 bilion.

